

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD  
[LIPIS]**

**TARIKH : 2 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 50**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kamera AES yang baru ditambah setakat ini untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

**JAWAPAN**

Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera *Automated Enforcement System* (AES) telah beroperasi iaitu empat (4) lokasi di negeri Johor, empat (4) lokasi di negeri Melaka, enam (6) lokasi di negeri Selangor, tujuh (7) lokasi di negeri Kedah, satu (1) lokasi di negeri Pulau Pinang, lima belas (15) lokasi di negeri Perak, dua (2) lokasi di Negeri Sembilan, dua (2) lokasi di negeri Terengganu, satu (1) lokasi di negeri Kelantan, dua (2) lokasi di negeri WPKL dan satu (1) lokasi di Putrajaya.
2. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuh raya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuh raya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas.

Sekian, terima kasih.